

02 NOV 2003

Sekolah-Bestari

300 LAGI SEKOLAH BESTARI AKAN DIBANGUNKAN DI SELURUH NEGARA

MARANG, 2 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan membangunkan 300 buah lagi Sekolah Bestari di seluruh negara dalam tempoh dua tahun yang akan datang, kata Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Datuk Abdul Rafie Mahat.

Beliau berkata dalam tempoh itu, 100 buah dirancang dibangunkan pada tahun hadapan manakala 200 buah sekolah lagi dalam tahun 2005.

"Kita sedang meneliti cadangan sekolah-sekolah yang hendak dijadikan Sekolah Bestari itu di seluruh negara dan ianya akan melibatkan sekolah-sekolah sedia ada dan juga sekolah-sekolah baru dibina," katanya kepada pemberita selepas Kolokium Kajian Tindakan Bersama Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia di sini hari ini.

Abdul Rafie berkata sekolah yang akan dijadikan Sekolah Bestari itu merupakan sekolah yang memenuhi keperluan asas yang diperlukan seperti sekolah berasrama penuh, sekolah teknik dan juga sekolah lain yang terpilih.

Beliau berkata kementerian telahpun menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi penambahan jumlah sekolah berkenaan.

"Tambah guru pula akan mengikut unjuran biasa, tetapi guru sedia ada perlu menambahkan kemahiran, untuk menggunakan teknologi baru dalam kaedah pembelajaran.

"Latihan kemahiran untuk guru-guru terbabit juga akan kita berikan secukupnya," katanya.

Abdul Rafie berkata pada masa ini terdapat 87 buah Sekolah Bestari di seluruh negara dan mengikut laporan yang diterima pelaksanaan sekolah tersebut berjalan lancar.

Sementara itu, Abdul Rafie berkata semasa menemui pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di beberapa buah negara Asia Barat baru-baru ini, beliau telah menasihatkan pelajar terbabit agar belajar bersungguh-sungguh bagi mendapatkan ilmu pendidikan yang berguna.

Beliau turut mengingatkan pelajar terbabit terutamanya yang belajar dengan perbelanjaan sendiri agar memastikan bidang yang mereka pelajari adalah bidang yang diperlukan dan akan dapat membantu membangunkan negara.

"Kita juga menyeru pelajar-pelajar Malaysia terutamanya yang tidak mempunyai tajaan supaya mendaftar dengan kedutaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan bagi membolehkan kerajaan memberikan bantuan kepada mereka," katanya.

-- BERNAMA

HIS ROS